



Bius (Anesthesia) Am / Bius (Anesthesia) Sekawasan

Apa itu bius (anestesia)?

Bius ialah keadaan di mana anda tidak merasa sakit atau rasa tidak selesa. Ia membantu menghalang kesedaran dan rasa sakit semasa prosedur atau pembedahan. Bius boleh diberi dengan pelbagai cara. Bukan semua jenis bius akan membuat anda tidak sedar diri sepenuhnya, dan ia boleh digunakan pada bahagian tertentu badan sahaja.



Jenis-jenis bius (anestesia) yang biasa digunakan

1. Bius/Anestesia Am (General Anaesthesia/GA)

Bius am membuatkan anda tidak sedar sepenuhnya (tidur lena) semasa pembedahan. Anda tidak akan tahu atau ingat apa-apa tentang pembedahan tersebut. Bius am boleh diberikan melalui gas yang disedut atau ubat yang dimasukkan ke dalam salur darah (ubat intravena).

2. Bius/Anestesia Sekawasan (Regional Anaesthesia/RA)

Bius ini hanya mengebaskan bahagian tertentu badan di mana pembedahan akan dilakukan. Anda kekal sedar tetapi tidak merasa sebarang kesakitan.

Ada dua jenis utama bius sekawasan:

- Suntikan anestesia di bahagian belakang (tulang belakang) untuk mengebaskan saraf tunjang.
- Suntikan anestesia berhampiran saraf tertentu untuk mengebaskan kawasan pembedahan. Bius ini boleh digunakan sendiri atau bersama bius am.

Bius ini boleh menyebabkan rasa kebas atau berdenyut, dan anda mungkin sukar menggerakkan bahagian badan tersebut untuk sementara waktu.

3. Sedasi prosedur (Procedural sedation)

Sedasi prosedur digunakan untuk prosedur yang tidak memerlukan bius am. Ia membantu pesakit rasa lebih selesa dan tahan sakit semasa prosedur dijalankan.



Perjalanan bius anda

Pakar bius anda akan bersama anda sepanjang pembedahan – bermula dari penilaian sebelum pembedahan sehingga ke pemantauan rapi selepas pembedahan.

- **Sebelum pembedahan**

Anda akan ditanya beberapa soalan tentang kesihatan anda. Ujian tambahan seperti ujian darah, ECG (ujian jantung) dan X-ray mungkin diperlukan.

Maklumat ini penting supaya pakar bius dapat merancang dan memantau kesihatan anda semasa bius diberikan, dan mengurangkan risiko masalah semasa pembedahan. Selepas penilaian lengkap, jenis bius yang sesuai akan dibincangkan bersama anda, termasuk kebaikan dan risikonya. Anda digalakkan untuk bertanya soalan dan berkongsi apa-apa kebimbangan dengan pakar bius anda.

Persediaan untuk pembedahan anda:

- **Berpuasa**

Anda perlu berpuasa sebelum pembedahan untuk mengelakkan risiko muntah dan tersedak semasa bius. Jika ada makanan atau air dalam perut, ia boleh masuk ke paru-paru dan menyebabkan masalah serius. Sila ikut arahan ini dengan teliti.



- **Ubat-ubatan**

Maklumkan kepada pakar bius jika anda atau kepada apa-apa ubat. Pakar bius akan menasihatkan ubat mana yang boleh diteruskan atau perlu dihentikan sebelum pembedahan. Jika ada keraguan, sila bertanya kepada pakar bius anda.



- **Tidak sihat**

Jika anda rasa tidak sihat sebelum pembedahan, maklumkan kepada pakar bius anda. Jika keadaan anda serius, pembedahan mungkin perlu ditangguhkan sehingga anda sembahuh sepenuhnya.



- **Gigi longgar**

Jika anda ada gigi yang longgar, sila jumpa doktor gigi untuk penilaian dan rawatan. Gigi yang longgar boleh tanggal semasa bius am dan pembedahan, dan menyebabkan komplikasi.



- **Berhenti merokok**

Smoking reduces oxygen in your blood and increases the risk of breathing difficulty during and after your operation.





- **Di dalam bilik pembedahan**

Sebaik sahaja anda sampai ke bilik pembedahan, kadar denyutan jantung, tekanan darah dan tahap oksigen anda akan dipantau. Sebuah tiub kecil akan dimasukkan ke dalam salur darah anda (suntikan intravena) untuk memberi ubat dan cecair. Selepas itu, anda akan menerima bius yang telah dipilih.

Jika bius sekawasan digunakan, pembedahan hanya akan dimulakan apabila anda dan pakar bius pasti kawasan pembedahan sudah kebas.

- **Selepas pembedahan**

Jika bius am diberikan, anda akan sedar semula di bilik pemulihan. Pasukan perubatan akan terus memantau tekanan darah, kadar denyutan jantung dan tahap oksigen anda. Ubat tahan sakit juga akan diberikan mengikut keperluan.

Jika bius sekawasan digunakan, anda mungkin masih merasa kebas dan lemah di kawasan yang dibius walaupun pembedahan telah selesai. Oleh itu, jangan bangun dari katil sendiri. Minta bantuan untuk bergerak. Bahagian yang kebas tidak dapat merasa suhu, jadi berhati-hatilah sehingga rasa normal kembali pulih.

Keselesaan anda adalah keutamaan kami. Selepas pembedahan, staf kami akan menjaga anda, membantu melegakan kesakitan dan rasa tidak selesa.

Apabila keadaan anda stabil dan selamat, anda akan dipindahkan ke wad biasa. Bergantung kepada jenis pembedahan, anda mungkin perlu tunggu sedikit masa sebelum boleh makan dan minum seperti biasa.

Jangan minum alkohol, pandu kenderaan atau guna mesin berat dalam masa 24 jam selepas pembedahan.





Pilihan untuk melegakan kesakitan

Terdapat pelbagai jenis ubat dan kaedah untuk melegakan kesakitan selepas pembedahan. Pilihan ini bergantung kepada jenis pembedahan, nasihat doktor, dan pilihan anda sendiri. Pakar bius akan berbincang dengan anda mengenai pilihan-pilihan ini supaya anda boleh membuat keputusan yang lebih baik.

1) Ubat penahan sakit

Terdapat 2 jenis utama:

- a) Ubat bukan opioid (contoh: Paracetamol, NSAIDS)
- b) Ubat opioid (contoh: codeine)

Ubat ini boleh diberikan melalui beberapa cara:

- **Makan ubat (oral)**

Ubat yang dimakan membantu mengawal kesakitan ringan hingga sederhana selepas pembedahan (seperti prosedur sehari). Untuk keberkesanan, ubat perlu diambil pada waktu yang ditetapkan.

Biasanya, ubat akan mula berkesan dalam masa lebih kurang 20 minit. Kadangkala, ubat ini digabungkan dengan kaeadaan lain.

Maklumkan kepada doktor jika anda ada alahan atau pernah rasa tidak selesa selepas ambil ubat tahan sakit.

- **Suppositori (melalui dubur)**

Ubat berbentuk seperti lilin kecil dimasukkan ke dalam dubur dan akan larut serta diserap oleh badan. Kaedah ini digunakan jika anda sukar menelan ubat.

- **Suntikan**

Ubat diberikan melalui tiub plastic kecil ke dalam saluran darah di tangan (tiub intravena), atau terus ke otot (lengan atau punggung). Kaedah ini memberikan keleaan yang lebih cepat.

Beritahu kepada jururawat atau doktor jika kesan ubat mula hilang. Jangan tunggu sehingga sakit menjadi terlalu kuat.

- **Analgesia Kawalan Pesakit (Patient-Controlled Analgesia/PCA)**

Ini ialah kaedah di mana anda sendiri boleh mengawal dos ubat penahan sakit menggunakan mesin khas. Dengan tekan butang pada alat, ubat akan dilepaskan melalui tiub intravena ke dalam salur darah untuk melegakan kesakitan. Kaedah ini berguna jika anda belum boleh makan atau minum selepas pembedahan.

2) Sekatan saraf (Nerve blocks)

Kaedah ini biasa digunakan untuk pembedahan di bahagian lengan atau kaki. Ubat bius disuntik berhampiran saraf tertentu menggunakan jarum halus atau tiub kecil. Kawasan pembedahan akan rasa kebas semasa dan selepas pembedahan untuk mengurangkan kesakitan.

3) Epidural

Kaedah ini melibatkan suntikan bius berhampiran saraf tunjang dan pemasangan tiub halus ke bahagian belakang anda oleh pakar bius. Ia dilakukan sebelum atau selepas pembedahan dan memberi keleaan yang sangat baik untuk kesakitan.

Risiko dan komplikasi bius

Walaupun bius biasanya selamat, masih terdapat risiko tertentu. Risiko ini bergantung kepada kesihatan anda dan jenis pembedahan yang dilakukan.

Jadual risiko dan komplikasi bius (Bius Am atau Bius Sekawasan)*

Biasa (1 dalam 10 hingga 1 dalam 100 orang)	Tidak biasa (< 1 dalam 100 orang)	Jarang berlaku (< 1 dalam 10,000 orang)
Loya dan muntah	Sukar bernafas	Serangan jantung
Menggigil	Penyakit sedia ada menjadi lebih teruk	Angin ahmar (Strok)
Gatal-gatal		Alahan teruk kepada ubat
Lebam atau sakit di tempat suntikan		Kerosakan saraf
Susah buang air kecil		Kematian

Risiko dan komplikasi khusus untuk Bius Am*

Biasa (1 dalam 10 hingga 1 dalam 100 orang)	Tidak biasa (< 1 dalam 100 orang)
Sakit tekak	Jangkitan paru-paru atau sukar bernafas
Luka kecil pada bibir atau mulut	Gigi longgar atau tertanggal
Keliru atau hilang ingatan sementara	Sedar tanpa sengaja semasa pembedahan

Risiko dan komplikasi khusus untuk Bius Sekawasan*

Biasa (1 dalam 10 hingga 1 dalam 100 orang)	Tidak biasa (< 1 dalam 100 orang)
Lebam atau sakit di tempat suntikan	Kawasan pembedahan tidak cukup kebas dan mungkin perlu suntikan tambahan atau tukar kepada bius am (GA).
Sakit kepala	

*Risiko tertentu mungkin lebih kerap berlaku jika anda mempunyai keadaan kesihatan tertentu. Pakar bius akan menerangkan dengan lebih terperinci kepada anda semasa penilaian sebelum pembedahan.

Scan to read the details on each side effects



Scan to view the following video guide:



About General Anaesthesia at NUH and AH



About Regional Anaesthesia at NUH and AH



Preparing for Anaesthesia at NTFGH

Our Patient Care Institutions

National University Hospital
Ng Teng Fong General Hospital &
Jurong Community Hospital
Alexandra Hospital
Tengah General and Community Hospital (upcoming)
National University Polyclinics
Jurong Medical Centre
National University Cancer Institute, Singapore
National University Heart Centre, Singapore
National University Centre for Oral Health, Singapore
NUHS Diagnostics
NUHS Pharmacy



Scan the QR code for
more information on our
patient care institutions.

OneNUHS Hotline: (65) 6908 2222

OneNUHS General Enquiries: contactus@nuhs.edu.sg

OneNUHS Appointments: appointment@nuhs.edu.sg

www.nuhs.edu.sg

Take charge of your health and
access health information and
services across NUHS institutions.

Download the NUHS App now!



Scan to download

Maklumat dalam risalah ini adalah bagi tujuan pendidikan dan tidak boleh digunakan sebagai pengganti diagnosis atau rawatan perubatan. Sila dapatkan nasihat doktor anda sebelum memulakan sebarang rawatan, atau jika anda mempunyai sebarang soalan berkaitan kesihatan, kecergasan fizikal atau masalah perubatan anda.

© 2025, National University Health System. Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh dihasilkan semula atau dikongsikan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Sistem Kesihatan Universiti Nasional.

Maklumat adalah tepat pada masa cetakan June 2025 dan tertakluk kepada semakan tanpa notis terlebih dahulu.